

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)**

TARIKH : **08.03.2016 (Selasa)**

NO. SOALAN : **48**

minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia- Kesatuan Eropah dan Perjanjian 'Regional Comprehensive Economic Partnership'. Adakah perjanjian-perjanjian ini mengandungi ISDR dan IPR yang berkait dengan paten dan biologics.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

2. Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia - Kesatuan Eropah (MEUFTA) ini telah bermula pada Disember 2010 dan ditangguhkan pada bulan September 2012, kerana terdapat beberapa isu yang tidak dapat diselesaikan oleh kedua-dua pihak.
3. Namun, memandangkan terdapat permintaan oleh pihak industri agar Malaysia meneruskan rundingan MEUFTA, maka usaha sedang

dilaksanakan oleh kedua pihak untuk memulakan semula rundingan MEUFTA yang telah tertangguh. Pihak industri telah menyuarakan kebimbangannya bahawa produk Malaysia tidak menikmati faedah di bawah GSP sejak 1 Januari 2014, maka produk Malaysia adalah kurang kompetitif di pasaran Eropah. Tambahan pula, Viet Nam baru sahaja menamatkan perjanjian perdagangan bebas dengan EU, dan ini akan memberi impak kepada eksport Malaysia kerana Viet Nam akan menjadi lebih kompetitif kerana duti eksport ke atas barangan Viet Nam akan dimansuhkan.

4. Rundingan ini dijangka akan dimulakan kembali pada pertengahan tahun 2016, bagi mencari jalan penyelesaian terutama bagi isu-isu seperti ISDS, buruh dan isu-isu lain yang tertunggak yang perlu diatasi sebelum membuat keputusan untuk meneruskan rundingan. Semasa Mesyuarat Pemukiman Menteri Menteri Ekonomi ASEAN di Chiang Mai, Thailand, pada 3 Mac 2016, saya telah berjumpa dengan Pesuruhjaya EU Cecilia Malmstrom dan dalam pertemuan itu, Pesuruhjaya EU telah menyuarakan pendirian bahawa mereka mahu Malaysia menerima mekanisma ISDS yang telah dipersetujui didalam perjanjian perdagangan bebas mereka dengan Viet Nam dan Kanada. Mekanisma ISDS ini merupakan satu mahkamah untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan pelaburan.
5. Di bawah rundingan MEUFTA yang telah tertangguh, terdapat 16 bab termasuklah bab pelaburan dan harta intelek. Skop bab harta intelek ini masih dalam rundingan awal dan terdapat beberapa cadangan untuk memasuki peruntukkan yang berkaitan dengan farmaseutikal. Begitu

juga dengan bab pelaburan, di mana isu ISDS ini masih lagi diperingkat perbincangan.

6. Bagi Perjanjian 'Regional Comprehensive Economic Partnership ataupun RCEP, rundingan ini sedang dijalankan dan dijangka akan dimuktamadkan pada akhir tahun 2016.
7. Di bawah RCEP, terdapat 14 bab termasuk bab pelaburan dan bab harta intelek yang sedang dirundingkan. Dibawah bab pelaburan, isu ISDS ini masih lagi dibincangkan, manakala bagi bab harta intelek, elemen berhubung farmaseutikal iaitu paten dan *biologics* masih diperingkat perbincangan awal dan belum ada kataputus samada elemen tersebut akan dirangkumi di bawah RCEP.